

---

# HUBUNGAN ANTARA MINAT KERJAYA PEMPENGARUH DAN HUBUNGANNYA TERHADAP MOTIVASI BELAJAR

Marini binti Serojai

*Kolej Komuniti Santubong*  
E-mail:[marini.serojai@staf.kksantubong.edu.my](mailto:marini.serojai@staf.kksantubong.edu.my)

---

## *Abstrak*

Dengan kemunculan media sosial sebagai platform perniagaan, kerjaya sebagai pempengaruh (influencer) telah dianggap sebagai kerjaya yang menguntungkan dan boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan. Keadaan ini menyebabkan satu tarikan kepada sesiapa sahaja termasuklah pelajar untuk menceburi dunia influencer. Justeru itu tidak hairan sekiranya ramai yang tidak berminat untuk belajar yang menyebabkan pendaftaran pelajar ke IPT merosot. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap keinginan pelajar untuk menjadi pempengaruh. Kajian ini juga dijalankan untuk menentukan hubungan antara minat kerjaya pempengaruh dan hubungannya terhadap motivasi belajar. Seramai 106 orang pelajar Kolej Komuniti di negeri Sarawak telah terlibat sebagai responden. Instrumen kajian berupa soal selidik telah diedarkan secara rawak dalam kalangan pelajar untuk mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan hanya 37 sahaja pelajar berminat untuk menjadi pempengaruh. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa minat pelajar tidak memberi kesan yang signifikan terhadap motivasi belajar mereka. Dapatan ini kemungkinan disebabkan bilangan pelajar yang berminat menjadi influencer adalah kecil. Kajian ini penting untuk mencari faktor-faktor yang menyebabkan berlaku kemerosotan pelajar ke IPT.

---

**Kata Kunci :** *Kerjaya pempengaruh; motivasi belajar; media sosial*

---